

PENYEDIAAN BAHAN PENGAJARAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM

Kamarul Azmi Jasmi
Farizah Kampong
Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Jasmi, K. A. & Kampong, F. (2012). Penyediaan Bahan Pengajaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam (Preparation of Teaching Materials in Teaching and Learning of Islamic Education) in *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] (International Seminar on Teacher and Islamic Education [SEAPPI2012])* at Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru on 8-9 March 2012, pp. 115-126. ISBN 99917-44-89-4.

ABSTRAK

Kertas kerja ini cuba membincangkan penyediaan bahan pengajaran dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Hal ini merangkumi dari segi menentukan matlamat bidang subjek; memilih buku rujukan; menyediakan sukatan pelajaran, model sukatan, senarai kerja tahunan; senarai rancangan kerja tahunan; dan merancang sistem penilaian. Proses merancang sistem penilaian termasuklah dari segi kaedah penentuan penilaian, memilih sistem penilaian, penilaian rujukan norma, penilaian rujukan kriteria, asimilasi dalam penilaian, sistem pembelajaran masteri, dan peranan penilaian tambahan di dalam sistem penilaian. Semua aspek akan cuba dikupas untuk memberikan input yang berguna kepada guru-guru Pendidikan Islam.

ABSTRACT

This paper tries to discuss the preparation of instructional materials in teaching and learning of Islamic education. This entails in terms of determining the subject field goal; select reference books; provide the syllabus, curriculum model, the list of annual work; list of annual work plans; and plan evaluation system. The planning process includes the evaluation system in terms of the method of determining the assessment, select the system assessment, evaluation of the reference norm, criterion referenced assessment, assimilation in the assessment, mastery learning system, and an additional guest role in the evaluation system. All aspects will try to mention to provide a useful input to the teachers of Islamic Education.

REFERENCES

- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Kamaruddin Haji Husin (2010). *Pembelajaran*. Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Azizi Ahmad dan Mohd. Isha Awang (2008). *Pengukuran dan Penilaian Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salleh Lebar (2009). *Pengurusan Sekolah di Malaysia dan Negara Brunei Darussalam: Kecemerlangan Akademik dan Kokurikulum*. Negara Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahil Mahyuddin, Habibah Elias, Kamariah Abu Bakar (1997). *Pedagogi 2*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Lucas, S. G. dan Douglas A.B. (2005). *Teaching Psychology A Step By Step Guide*. London: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.

PENYEDIAAN BAHAN PENGAJARAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM

Kamarul Azmi Jasmi

Farizah Kampong

Abstrak

Kertas kerja ini cuba membincangkan penyediaan bahan pengajaran dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Hal ini merangkumi dari segi menentukan matlamat bidang subjek; memilih buku rujukan; menyediakan sukatan pelajaran, model sukatan, senarai kerja tahunan; senarai rancangan kerja tahunan; dan merancang sistem penilaian. Proses merancang sistem penilaian termasuklah dari segi kaedah penentuan penilaian, memilih sistem penilaian, penilaian rujukan norma, penilaian rujukan kriteria, asimilasi dalam penilaian, sistem pembelajaran masteri, dan peranan penilaian tambahan di dalam sistem penilaian. Semua aspek akan cuba dikupas untuk memberikan input yang berguna kepada guru-guru Pendidikan Islam.

Kata Kunci: penyediaan bahan pengajaran, sukatan pelajar, model sukatan, senarai kerja tahunan, dan penilaian.

PENGENALAN

Artikel ini membincangkan cara menyediakan bahan pengajaran dalam bidang Pendidikan Islam, iaitu bermula dengan penentuan matlamat, memilih buku rujukan, menyediakan sukatan pelajaran yang merangkumi model sukatan dan senarai rancangan kerja tahunan. Seterusnya, perbincangan bab ini juga menyentuh tentang kaedah merancang sistem penilaian bagi bidang pengajaran yang telah ditentukan tersebut di samping menyediakan kaedah penentuan penilaian, serta memilih sistem penilaian.

MENENTUKAN MATLAMAT PENDIDIKAN ISLAM


Langkah pertama yang perlu dilakukan oleh guru untuk memulakan sesuatu subjek atau bidang ialah menentukan matlamat dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Matlamat pengajaran hendaklah merangkumi apa yang guru ingin pelajar dapatkan melalui subjek ini selain matlamat dibentuk serta direka bagi memenuhi kehendak kurikulum dan institusi atau sekolah (Lucas & Bernstein, 2005).

Selalunya matlamat utama dalam bidang subjek lebih mudah dicapai oleh guru-guru baru kerana kebanyakannya guru-guru lama tidak pernah diajar tentang bagaimana menentukan matlamat pengajaran. Akan tetapi terdapat juga segelintir guru-guru baru yang menganggap matlamat pengajaran tidak perlu disediakan lebih awal. Anggapan beginilah yang membawa kepada wujudnya masalah dalam pengajaran dan pembelajaran (Rahil Mahyuddin, *et., al.*, 1997).

Terdapat banyak cara yang boleh dijadikan panduan dalam mengembangkan matlamat bidang Pendidikan Islam. Salah satu cara ialah menyenaraikan apa sahaja matlamat yang ingin

dicapai. Kemudian mati amat itu dikategorikan kepada sangat penting, penting dan kurang penting (Lucas & Bernstein, 2005). Contohnya, jika seorang guru itu berfikir bahawa membangunkan kemahiran berfikir secara kritikal merupakan suatu yang penting bagi para pelajar, maka guru itu mungkin akan merancang satu bidang subjek Pendidikan Islam dengan memberikan pelajar peluang untuk menyuarakan pendapat, kritikan dan perbincangan tentang kesahihan hasil penyelidikan atau tugas. Jika seorang guru itu berfikir bahawa membangun kemahiran pembelajaran bekerjasama secara kolaboratif adalah penting, maka guru itu mungkin akan merancang pembelajaran secara berkumpulan seperti melakukan penyelidikan, menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan bidang subjek, inkuiri penemuan atau menjalankan projek (Kamarudin, 2010).

Matlamat pengajaran juga perlu mengambil kira sama ada bidang Pendidikan Islam itu dapat memenuhi kehendak pelajar, jabatan, sekolah atau kolej. Guru hendaklah mengetahui apa yang pelajar ingin tahu apabila hadir ke dalam bilik darjah supaya memudahkannya merancang cara untuk memulakan pengajaran.



Rajah 1 Penentuan Matlamat, Prosedur Pengajaran dan Penilaian

Dalam pengajaran yang efektif, seorang guru itu hendaklah merancang topik, objektif, cara penyampaian dan penilaian yang sesuai dengan minat serta pengetahuan sedia ada pelajar (Ee Ah Meng, 2001). Guru juga perlu tahu apa yang diperlukan oleh pihak jabatan dan sekolah atau kolej daripada para pelajar setelah tamat sesuatu bidang subjek.

Rajah 1 menunjukkan prosedur serta langkah dalam merancang topik, objektif, cara penyampaian dan penilaian yang sesuai dengan minat serta pengetahuan sedia ada pelajar. Prosedur dan langkah ini bukan perkara yang mudah untuk memastikan matlamat peribadi, jabatan, sekolah dan institusi sentiasa dalam Ukiran, semasa merancang pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam terutama pada awal kerjaya sebagai guru. Oleh itu, jangan teragak-agak untuk meminta nasihat daripada rakan-rakan yang lebih berpengalaman dalam bidang ini.

Akhir sekali, perlu diingat bahawa matlamat Pendidikan Islam tidak semestinya suatu yang tetap. Matlamat ini mungkin boleh berubah-ubah. Seorang guru yang efektif ialah mereka yang mampu menyesuaikan diri dengan kurikulum yang berubah-ubah, permintaan kolej yang berubah-ubah dan di suatu sudut yang lain, berusaha untuk mencapai matlamat yang diinginkan (Ahmad, 2008).

MEMILIH BUKU RUJUKAN

Setelah menetapkan matlamat pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, tugas seterusnya adalah melihat buku teks dan memilih buku rujukan. Guru dicadangkan untuk membaca dan mengulangkaji buku teks dan memilih dan mencari buku rujukan yang selalu dipakai oleh rakan sekerja yang pernah mengajar bidang subjek tersebut. Cara lain ialah dengan menyemak buku-buku yang digunakan oleh sekolah atau institusi yang mengajar bidang subjek yang sama dan melayari laman web jabatan yang mengandungi sukatan bidang subjek. Apabila anda telah membuat senarai buku rujukan, cuba hubungi wakil penerbit mereka untuk meminta salinan untuk setiap buku berserta dengan apa-apa bahan yang berkaitan dengan buku rujukan berkenaan seperti sumber bahan bagi guru, item ujian, transparensi, slaid, CD-ROM, DVD, panduan bagi pelajar, contoh kes, bacaan tambahan dan bahan lain (Lucas & Bernstein, 2005).

Buku rujukan yang sesuai dan tepat untuk pelajar hendaklah sesuatu yang membawa kepada keberhasilan. Kriteria keberhasilan yang digariskan oleh Eble (1988) ialah mempertimbangkan bahawa buku rujukan yang dipilih itu akan dibaca oleh pelajar, mereka akan menggunakannya dan mempelajarinya. Beliau juga menasihati agar memilih buku yang membolehkan pelajar itu belajar sendiri. Hal ini bermaksud, bagi mengekalkan minat pelajar, buku yang dipilih hendaklah jelas, mengandungi maklumat semasa dan bebas dari kesilapan yang nyata supaya guru boleh menjadikan buku panduan di samping buku teks sebagai panduan utama dalam pengajaran.

Menggunakan skala untuk menilai buku rujukan adalah satu cara yang sangat membantu. Skala yang digunakan ialah dengan mengkategorikan buku sama ada cemerlang, sangat baik, baik, boleh diterima atau tidak diterima. Bukan itu saja, terdapat pelbagai cara untuk menetapkan kriteria buku rujukan. Guru boleh membangunkan sendiri kriteria yang mencerminkan ciri buku teks yang memenuhi matlamat bidang subjek.

Guru hendaklah memperhatikan jumlah keseluruhan bahan bacaan yang diberikan kepada pelajar. Pastikan apa yang dibaca oleh pelajar itu mampu untuk difahaminya dalam masa yang ditetapkan (Rahil Mahyuddin, *et. al.*, 1997). Perlu diingat bahawa pelajar bukan saja membaca buku dari bidang Pendidikan Islam tetapi juga memerlukan masa untuk membaca buku dari subjek yang lain. Jadilah guru yang pandai memilih dan bertimbang rasa, bukan sahaja dalam memilih buku rujukan tetapi juga dalam memilih bahan dari sumber yang lain.

Sebaik-baiknya simpanlah sekurang-kurangnya satu salinan buku teks dan lain-lain bahan rujukan yang digunakan oleh guru di perpustakaan kerana tidak semua pelajar mampu untuk membeli buku-buku yang diperlukan disebabkan harga buku yang semakin meningkat.

MENYEDIAKAN SUKATAN PELAJARAN

Sukatan pelajaran atau garis panduan bidang Pendidikan Islam adalah salah satu dokumen yang paling penting. Sukatan pelajaran yang baik, tidak hanya berfungsi sebagai rujukan dan peta perjalanan bidang Pendidikan Islam tetapi sebagai panduan untuk mewujudkan apa yang pelajar perlukan daripada guru dan apa yang guru mahukan daripada pelajar. Menyediakan sukatan bagi pelajaran adalah satu langkah yang penting dalam perancangan bidang subjek kerana proses ini memerlukan guru untuk berfikir dengan teliti tentang bidang subjek. Hal ini merangkumi projek dalam kelas, peperiksaan dan tarikh peperiksaan, membuat peraturan peperiksaan dan sebagainya.

Sukatan pelajaran yang disediakan dengan baik, boleh membantu pelajar dalam mempelajari lebih banyak mengenai bidang Pendidikan Islam (Rahil Mahyuddin, *et. al.*, 1997). Sukatan pelajaran juga boleh berfungsi sebagai nasihat dengan menjelaskan prasyarat bidang subjek, masa bidang subjek dan apa yang diperlukan dalam menjalani bidang subjek, cara belajar yang berkesan, dan sumber yang sedia ada untuk pelajar yang menghadapi masalah dalam bidang Pendidikan Islam. Selepas memberitahu sukatan pelajaran Pendidikan Islam pada hari pertama kelas, pelajar lebih mudah boleh memutuskan sama ada mampu atau tidak mampu untuk mengendalikan keperluan bidang ini (Lucas & Bernstein, 2005).

Sukatan pelajaran yang baik juga akan menggariskan topik bidang subjek yang baik dan mampu menjelaskan mengapa topik tertentu itu dimasukkan. Setiap yang terkandung dalam sukatan juga harus diteliti dan difahamkan agar objektif yang dirancang dapat dicapai oleh pelajar (Rahil Mahyuddin, *et. al.*, 1997). Di sekolah, sukatan pelajaran telah ditentukan oleh Kementerian Pelajaran dan sukatan ini dianggap kontrak yang sah di sisi undang-undang antara guru dan pelajar. Sukatan ini mengandungi hukuman yang boleh dikenakan ke atas pelajar yang gagal memenuhi tanggungjawab dan pelajar pula boleh memfailkan aduan terhadap guru yang tidak mematuhi prosedur penilaian atau memungkirkan apa yang mereka janjikan (Azizi & Mohd. Isha, 2008). Oleh itu, guru hendaklah membuat pertimbangan dan berhati-hati dengan apa yang dikatakan dalam sukatan pelajaran. Jika seorang guru itu perlu membuat perubahan selepas bidang subjek bermula, beritahu kepada pelajar dengan membuat pengumuman dan sebaiknya secara bertulis.

Di samping itu, untuk menyampaikan maklumat bidang, sukatan pelajaran boleh digunakan sebagai model pemikiran profesional, merancang dan menulis. Mengedarkan sukatan pelajaran yang diatur dengan baik, ditulis dengan jelas dan bebas daripada kesalahan tatabahasa dan ejaan, bukan saja akan memberi para pelajar gambaran yang baik tentang guru dan bidang subjek tetapi akan membantu mewujudkan apa yang diharapkan terhasil dari kerja bidang subjek mereka (Rahil Mahyuddin, *et. al.*, 1997).

Mula menyusun tadbir sukatan pelajaran dengan melihat sukatan pelajaran rakan-rakan yang mengajar bidang subjek yang sama dan rujuk laman web berkenaan bidang subjek di seluruh negara. Pihak sekolah juga boleh membantu dalam memberi nasihat dan maklumat cara penulisan sukatan. Sukatan pelajaran yang teliti, tepat dan terkandung dalamnya panduan mengajar akan menjadi dokumen peribadi serta gambaran gaya pengajaran seorang guru. Pastikan ianya dimasukkan dalam portfolio pengajaran (Salleh, 2009).

Model Sukatan

Langkah pertama dalam menyediakan perancangan terhadap pengajaran Pendidikan Islam mengikut sukatan pelajaran adalah dengan merujuk kalendar tahunan sekolah. Tanda dan catat jumlah perjumpaan dalam kelas dan waktu menjalankan aktiviti. Pastikan agar tidak memasukkan cuti- cuti awam dan cuti persekolahan dalam kiraan tersebut.

Seterusnya, tandakan mana-mana tarikh bagi memenuhi komitmen anda sendiri dan memerlukan seorang guru lain untuk menggantikan anda. Menandakan kalendar seperti ini akan memberikan anda gambaran keseluruhan berkenaan bidang subjek dan memudahkan untuk merangka dan menyusun ujian dan peperiksaan. Kalendar ini juga akan membantu para guru menentukan tarikh akhir penyerahan kertas kursus atau projek jika ada agar masa untuk pemarkahan mencukupi dan siap pada masa yang ditetapkan. Berikut adalah antara maklumat yang perlu ada dalam sukatan pelajaran:

- (1) Nama, nombor dan tajuk bidang Pendidikan Islam. Termasuk penerangan tentang kandungan bidang dalamnya. Seseengah guru lebih memilih untuk menumpukan kepada lima hingga tujuh matlamat bagi setiap semester dan menetapkan ianya sebagai objektif yang boleh diukur (Rahil Mahyuddin, *et. al.*, 1997).
- (2) Hari, masa dan tempat.
- (3) Nama guru, alamat pejabat, nombor telefon pejabat dan alamat e-mel. Guru juga boleh membuat pilihan sama ada mahu memasukkan nombor telefon rumah atau tidak tetapi terdapat beberapa sebab mengapa guru perlu menyenaraikan nombor telefon rumah.
 - (a) Pelajar boleh menghubungi guru dengan mudah apabila diperlukan.
 - (b) Kebanyakan pelajar tidak menyalahgunakan keistimewaan yang disediakan, oleh itu tidak salah memberitahu nombor telefon.

Apa yang penting, jika seorang guru itu memutuskan untuk memasukkan nombor telefon rumahnya, guru berkenaan hendaklah menentukan masa yang sesuai bagi pelajar membuat panggilan kecuali panggilan kecemasan.

- (4) Jadual waktu pejabat. Jadual waktu pejabat sekurang-kurangnya diperuntukkan selama dua jam setiap minggu untuk setiap bidang subjek. Tetapkan waktu pejabat supaya mereka tidak bertembung dengan jadual yang ditetapkan untuk pelajar lain.
- (5) Senarai nama, lokasi pejabat, nombor telefon dan jam pejabat guru yang akan menggantikan dan membantu mengajar bidang subjek. Maklumat juga termasuk beberapa kenyataan ringkas tentang apa yang boleh dan tidak boleh dilakukannya.
- (6) Senarai buku-buku, artikel dan bahan bacaan lain yang diperlukan atau yang disyorkan untuk bidang subjek ini serta di mana bahan-bahan ini boleh didapati di perpustakaan dan di mana mereka boleh dibelinya.
- (7) Senarai topik yang akan disampaikan bagi setiap pengajaran, termasuk bab buku, bahan bacaan lain atau tugas yang perlu disiapkan (lihat Jadual 2).

Jadual 1 Contoh Jadual perkuliahan untuk mata pelajaran Tajweed

Tarikh	Tajuk	Bah
1 12	Makhraj Huruf	1
S/2	Makhraj Huruf	1
15/2	Cuci Sempena Maulidur Rasul Sailahu 'Alaihi Wasallam	
22 12	Sifat-sifac Huruf	τ
1/3	Sifat-sifac Huruf	τ
S/ 3	Hukum Nun Sukun dan T an win	3
15/3	Hukum Nun Sukun dan T an win	3
18-27/3	Cuti Penggal Pertama Persekolahan	
	Mengulangkaji dan berbincang tentang peperiksaan	1-3
	PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN (Meliputi Tajuk 1, 2, dan 3- Bawa alat tulis dan kad idencia pelajar)	
5/4	Hukum Mim Sukun	4
12/4	Hukum Mim Sukun	4

Jadual di atas merupakan contoh senarai topik yang akan disampaikan oleh guru bagi setiap pengajaran, termasuk bab buku, bahan bacaan lain atau tugas yang perlu disiapkan. Jadual ini dirancang agar tidak ada topik yang tertinggal serta memudahkan guru merancang bahan pengajaran yang bersesuaian.

- (8) Senarai aktiviti khas di luar bilik darjah seperti lawatan ke suatu tempat, lawatan ke makmal atau tempat yang diperlukan. Di sesetengah sekolah, maklumat ini mesti dimasukkan dalam setiap sukatan bidang subjek (Rahil Mahyuddin, *et. al.*, 1997).
- (9) Huraian terperinci tentang prestasi pelajar di dalam bidang subjek. Huraian ini harus dimulakan dengan pernyataan tentang bilangan peperiksaan dan ujian dalam bidang subjek, sama ada ia berbentuk esei, pilihan jawapan atau jawapan ringkas. Huraian juga termasuk bilangan dan panjang kertas kerja atau tugas, penulisan jurnal, kerja-kerja makmal dan penyelidikan atau projek yang dijalankan di Internet. Tarikh akhir menghantar tugas hendaklah dimasukkan dalam jadual kelas (lihat Jadual 2.1). Seterusnya, terangkan dengan teliti bagaimana penilaian akhir akan ditentukan. Lebih jelas penerangan yang dibuat, maka semakin kurang masalah dan kekeliruan yang timbul (Lucas & Bernstein, 2005).
- (10) Senarai sumber atau bahan pembelajaran bagi pelajar. Contohnya jadual, lokasi, dan kos pengajaran tambahan dan termasuklah peringatan tentang bahan bacaan, nota kuliah atau bahan-bahan yang diperolehi dari Internet dan perpustakaan.
- (11) Penyata tentang kemudahan pelajar-pelajar berkeperluan khas. Perkara ini hendaklah diberitahu dengan segera agar kemudahan dapat dipohonkan dari pihak kolej mengikut prosedur yang ditetapkan.

- (12) Sesuatu pernyataan yang komprehensif tentang falsafah pengajaran, dasar bidang subjek dan etika bidang subjek. Maklumat mengenai falsafah pengajaran membantu pelajar untuk memahami bidang subjek. Dalam sukatan itu nanti, boleh dimasukkan tentang bagaimana cara untuk menggalakkan pemikiran kritikal di dalam bilik darjah. Contohnya tuliskan “*Kebadiran amat penting bagi saya*”, “*Tolongjangan makan atau minum di dalam kelas*” dan sebagainya. Dalam bahagian ini, guru boleh menggunakannya sebagai cara untuk memberitahu pelajar tentang dasar-dasar kolej, isu-isu plagiarisme dan kecurangan akademik lainnya (Kamarul Azmi & Ab.Halim Tamuri, 2007).

12 perkara ini adalah perlu dalam menyusun sukatan pelajar yang sedia ada untuk disusun dalam buku persediaan guru agar guru tidak terdapat mencari-bahan asas dalam perancangan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam yang sebenar.

Senarai Rancangan Kerja Tahunan

Kadang-kadang guru terlupa dengan apa yang telah dirancang dalam sukatan bidang subjek disebabkan kesibukan yang dilalui. Terlupa tentang tugas yang telah diberikan kepada pelajar, terlupa untuk menghubungi penceramah jemputan atau terlupa untuk mengadakan ujian padahal perkara tersebut sudah dirancang. Bagi mengurangkan masalah ini, guru hendaklah membuat Rancangan Kerja Tahunan dan menyenaraikan rancangan aktiviti dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan (lihat Jadual 2). Jadual ini merupakan contoh Rancangan Kerja Tahunan yang mengandungi rancangan aktiviti dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan sepanjang tahun. Rancangan ini akan menjadikan tugas guru lebih bersistematik dan mudah.

Jadual 2 Contoh Senarai Rancangan Kerja Tahunan Guru

Tarikh	Rancangan
1 hb Jun	G Memohon bilik bagi pepenksaan penggal pertengahan daripada Pejabat Perancang kemudahan.
30hb Jmn	G Hubungi penerbit untuk mengesahkan temp ah an buku.
1hb Ogos	G Lengkapkan dan buat salinan sukatan pelajaran. G Menguruskan temp ah an kertas jawapan untuk peperiksaan.
1 Ghb Ogos	G Memastikan buku-buku teks terdapat di kedai buku.
20-2 5Kb Ogos	G Berjumpa dengan guru pembantu untuk menerangkan tanggungjawab dan rancangan bidang subjek.
25Kb Ogos	G Menyusun jadual pepenksaan penggal penengahan.
25hb Ogos	D Menyusun jadual peperiksaan penggal pertengahan.
30hb Ogos	G Menulis kertas peperiksaan penggal penengahan dan tarikh akhir menghantar ialah 12hb September. G Mengumpul senarai nama pelajar berkeperluan khas.
1 Ohb September	G Jadual r akan sebaya melawat kelas.
12hb September	G Menghantar rangkaian terakhir kertas peperiksaan penggal penengahan kepada pihak jabatan untuk di selaraskan.
17hb September	G Mengedarkan dan menguap b orang penilaian formatif dan pada pelajar. G Membetulkan kertas peperiksaan penggal penengahan dan menghantar semula ke jabatan. G Menyediakan b orang kaji selidik peperiksaan penggal penengahan.
24hb September	G Memaklumkan kepada pelajar berkenaan han, tempat dan tarikh peperiksaan penggal penengahan . G Membuat kuna jawapan peperiksaan penggal penengahan menghantar salinan ke pejabat pemarkahan peperiksaan. Menyediakan maklumat tentang peraturan peperiksaan penengahan penggal untuk diterangkan di dalam kelas.
1kb Oktober	G Mengubah suai sukatan untuk semester berikutnya. G Menempah buku teks untuk semester berikutnya.
5hb Oktober	G Tarikh akhir untuk menghantar b orang kaji selidik peperiksaan penggal penengahan.

Sehari selepas peperiksaan penggal pertengahan	G Menyediakan sepuluh soalan susah yang dikenal pasti melalui analisis peperiksaan untuk dibincangkan bersama pelajar.
Tiga hari selepas peperiksaan penggal pertengahan	D Menguruskan masalah yang timbul berkenaan peperiksaan penggal penengahan. D Mengumpul borang pelajar yang hendak melihat semula kertas jawapan.
20hb Oktober	D Mula menulis kertas peperiksaan akhir dan tarikh akhir menghantar ialah 7hb November. G Menyusun jadual peperiksaan akhir.
1hb November	G Mengambil salinan boring penilaian guru. G Menyusun jadual lawatan rakan sebaya ke dalam kelas.
7hb November	G Menghantar rangkaian terakhir kertas peperiksaan akhir kepada pihak jabatan untuk di selaraskan.
15hb November	G Membetulkan kertas peperiksaan akhir dan menghantar semula ke jabatan. G Menyediakan hnrang kaji selidik peperiksaan akhir.
21hb November	G Menghantar borang kaji selidik peperiksaan akhir.
26hb November	G Memaklumkan kepada pelajar berkenaan hari, tempat dan tarikh peperiksaan akhir .
15hb Disember	G Menguruskan peperiksaan akhir.
17hb Disember	G Pengiraan penilaian dan memvema kembali ketepatan penilaian dan menghantarnya ke pejabat.

(Lucas & Bernstein, 2005)

Senarai Rancangan Kerja Tahunan ini sangat berguna dan membantu menyusun aktiviti yang dirancang dengan teratur. Satu senarai Rancangan Kerja Tahunan yang baik akan menjimatkan masa guru dan tidak akan menjadikan guru itu kucar-kacir dalam melaksanakan tugasnya. Guru disarankan menyemak senarai Rancangan Kerja Tahunan di setiap minggu pertama. Untuk lebih memudahkan lagi, guru hendaklah menyimpan salinan yang bercetak di rumah dan di pejabat atau di dalam komputer riba, pembantu digital peribadi (PDA) atau telefon bimbit (Lucas & Bernstein, 2005).

MERANCANG SISTEM PENILAIAN

Penentuan penilaian sering dianggap sebagai proses semata-mata meletakkan huruf dari A hingga F bersebelahan nama setiap pelajar pada akhir pengajian. Sebenarnya ianya perlu lebih daripada itu (Azizi & Mohd. Isha, 2008). Penilaian seharusnya mencapai matlamat yang ditentukan dalam setiap bidang subjek.

Penilaian membentuk dua jenis maklum balas pelajar berkenaan proses mendapatkan matlamat yang ditetapkan oleh guru. Maklum balas pertama ialah maklum balas formatif. Maklum balas ini akan membantu pelajar memperbaiki pembelajaran mereka dari segi membangun pengetahuan dan kemahiran di dalam bidang subjek. Kedua ialah maklum balas sumatif iaitu penilaian terakhir yang diberikan pada tugas an pelajar. Penilaian ini menentukan sama ada pelajar itu layak mendapatkan ijazah atau meneruskan pendidikan dan mendapatkan pekerjaan yang baik. Memberikan penilaian yang memuaskan memerlukan usaha dan perancangan (Azizi & Mohd. Isha, 2008; Salleh, 2009).

Kaedah Penentuan Penilaian

Tidak ada sistem penilaian ada terbaik tetapi terdapat kaedah bagaimana untuk menentukan penilaian (Salleh, 2009; Lucas & Bernstein, 2005) sebagaimana berikut:

- (1) Penilaian mesti tepat iaitu penilaian bidang subjek mesti mencerminkan tahap kecekapan setiap pelajar.
- (2) Penilaian mesti adil dan sama penting. Penilaian mesti dilihat adil oleh pelajar-pelajar. Oleh itu, tubuhkan satu sistem penilaian yang menunjukkan bahawa hasil tugas yang berbeza akan memperoleh penilaian yang berbeza. Sistem ini juga perlu menjelaskan bahawa markah dan

- peratus tertentu akan menyebabkan penilaian tertentu.
- (3) Penilaian hendaklah diberikan secara konsisten. Penilaian yang diberikan terhadap setiap pelajar hendaklah sama dan tidak ada perbezaan. Sukatan pelajaran perlu menetapkan markah bagi setiap kategori di mana penilaian diperoleh seperti melalui ujian, kuiz, kertas kerja, projek penyelidikan, penyertaan kelas dan lain-lain. Jangan membezakan penilaian disebabkan guru itu suka kepada pelajar berkenaan atau jangan pula menentukan penilaian kerana kemajuan pelajar di dalam bilik darjah tetapi tentukan penilaian berdasarkan kategori yang telah ditentukan O-


Ketiga-tiga perkara, iaitu ketepatan perancangan penilaian, adil dan konsisten merupakan perkara yang sangat penting ketika merancang penilaian terhadap pelajar.

Memilih Sistem Penilaian

Seorang guru itu hendaklah memilih sistem penilaian. Masalah akan timbul bagi guru-guru yang tidak menentukan sistem penilaian dan menyangka bahawa penilaian ini akan timbul sendiri apabila tiba masa pengiraan markah untuk mencari penilaian. Hal ini bermakna sistem penilaian akan berubah-ubah disebabkan tidak ada penerangan awal tentang sistem penilaian kepada pelajar. Oleh itu, seorang guru itu perlu mengambil inisiatif untuk mengetahui sistem penilaian yang berjaya digunakan oleh rakan-rakan yang lebih berpengalaman (Lucas & Bernstein, 2005).

Penilaian Rujukan Norma

Penilaian Rujukan Norma merupakan pengagihan penilaian yang telah dirancang. Konsep ujian rujukan norma ialah dengan membandingkan sesama pelajar dengan menggunakan keputusan yang sama (Azizi & Mohd. Isha, 2008). Penilaian ini sesuai untuk penilaian sumatif dan skop soalnya adalah luas.



(Azizi & Mohd. Isha, 2008)

Rajah 2 Taburan skor ujian rujukan norma

Aras kesukarannya pula lazimnya seimbang misalnya 25% mudah, 50% sederhana dan 25% susah. Taburan skor perlu dibuat bagi mengira markah cemerlang, kepujian, lulus dan gagal iaitu berdasarkan pencapaian pelajar keseluruhan. Dengan kata lain, markah lulus akan dikurangkan jika ramai pelajar yang tidak mencapai markah yang tinggi (Salleh, 2009).

Penilaian Rujukan Norma tidak memberi maklumat yang terperinci tentang kemahiran pelajar. Penilaian ini lebih tertumpu untuk melihat siapa yang terbaik di antara pelajar (Azizi & Mohd. Isha, 2008).

Rajah 2 menunjukkan skor serta bilangan pelajar dalam bentuk peratus hasil daripada penilaian atau ujian. Skor akan mencerminkan siapa lebih pandai atau di mana kedudukan seseorang pelajar

dalam bilik darjah atau sekolahnya.

Penilaian Rujukan Kriteria

Penilaian Rujukan Kriteria bukan untuk membandingkan prestasi antara pelajar lain tetapi lebih menumpukan perhatian terhadap perbandingan kepada kriteria yang telah ditetapkan. Cara yang paling mudah dalam penilaian rujukan kriteria ialah penilaian A bagi pelajar yang memperoleh 90% ke atas. Pelajar yang mendapat 80% hingga 89% akan diberi penilaian B dan seterusnya. Penilaian ini amat sesuai bagi penilaian formatif kerana bertujuan untuk mengesan penguasaan pelajar dalam kemahiran tertentu (Salleh, 2009). Kelebihan Penilaian Rujukan Kriteria ialah:

- (1) Pelajar yang memperoleh penilaian yang tertinggi, guru dapat menilai bahawa pelajar berkenaan dapat menguasai bahan bidang subjek.
- (2) Keputusan akhir menunjukkan bahawa pelajar menguasai bidang subjek dan ketiga, oleh kerana pelajar tidak bersaing antara satu sama lain, maka mereka lebih cenderung bekerjasama (Azizi & Mohd. Isha, 2008).

Hal ini kerana penilaian ini bukan bertujuan untuk membandingkan di antara pelajar (Salleh, 2009). Kelemahan Penilaian Rujukan Kriteria ialah sukar untuk menentukan apa kriteria yang sebenar di dalam bidang subjek yang diberikan, lebih-lebih lagi apabila bidang subjek itu diajar untuk kali pertama. Penilaian Rujukan Kriteria bukanlah sistem yang terbaik untuk guru-guru baru bagi menentukan penilaian (Azizi & Mohd. Isha, 2008).

Asimilasi dalam Penilaian

Apabila Penilaian Rujukan Norma dan Penilaian Rujukan Kriteria disatukan kedua-duanya akan melahirkan satu pendekatan iaitu Sistem Asimilasi dalam Penilaian (*Hybrid Grading Systems*).

Dalam sistem ini, mula-mula hendaklah mengira markah pelajar yang memperoleh nilai 10% teratas melalui tugas, kuiz, peperiksaan atau jumlah markah yang diperolehi di akhir penggal. Kemudian daripada tanda aras ini, tentukan penilaian dalam bentuk abjad. Sebagai contoh, untuk mendapat A, pelajar mesti mendapat sekurang-kurangnya 95%, untuk mendapatkan B pelajar memerlukan 85% dan C pula memerlukan 75% dan seterusnya (lihat Jadual 4).

Dapat diperhatikan bahawa sistem pencampuran penilaian memberikan banyak kelebihan hasil daripada gabungan Penilaian Rujukan Norma dan Penilaian Rujukan Kriteria. Ia membolehkan semua pelajar mendapat A selagi mana mereka melakukan yang terbaik (Lucas & Bernstein, 2005).

Jadual 3 Sistem Asimilasi dalam Penilaian

Tugasan	Markah	Markah penuh
Peperiksaan	2@50 markah	100
Peperiksaan Akhir	1@60 markah	60
Kuiz.	4 @ 15 markah (Dua markah terendah boleh digugurkan)	60
Tugasan sampingan		20
Tugasan		40
Kerja lapangan		20
	jumlah	300

(Lucas & Bernstein, 2005)

Jadual 4 Contoh Sistem Asimilasi dalam Penilaian

- Jumlah mata yang diperolehi oleh setiap pelajar akan dikira pada akhir tahun.
- Markah lima pelajar terbaik (yang mewakili 10% daripada 50 pelajar di dalam kelas) disenaraikan seperti berikut:

Pelajar 1: 290 markah

Pelajar 2: 285 markah

Pelajar3: 281 markah

Pelajar4: 274 markah

Pelajar5: 270markah

$$290 + 285 + 281 + 274 + 270 = 1400$$

$$1400/5=280$$

95% daripada 280 = 266, gredA adalah antara 266-300

85% daripada 280 = 266. gred B adalah antara 238-265

75% daripada 280 = 266. gred C adalah antara 210-237

65% daripada 280 = 266. gredD adalah antara 182-209

Gred F adalah 180 ke bawah.

- Gred akhir yang diberikan kepada pelajar-pelajar berdasarkan markah yang telah dikira.

Terdapat 300 markah dalam bidang subjek ini. Bidang subjek ini tidak memberi apa-apa penilaian tambah. 300 markah diagihkan seperti Jadual 4. Berdasarkan Jadual 3 dan Jadual 4 menunjukkan cara pengiraan markah melalui pendekatan Sistem asimilasi dalam Penilaian (*Hybrid Grading Systems*) hasil gabungan Penilaian Rujukan Norma dan Penilaian Rujukan Kriteria.

Sistem Pembelajaran Masteri

Sebagai alternatif kepada sistem penilaian tradisional, sesetengah guru menggunakan pendekatan pembelajaran masteri. Sistem pembelajaran masteri juga dikenali sebagai pembelajaran sistematik dan amat popular pada tahun 1970-an. Sistem ini dipelopori oleh Skinner. Setelah dikaji, dalam sistem pembelajaran masteri, semua pelajar dikehendaki mempelajari bahan yang sama mengikut kemampuan dan akan diuji mengikut jadual yang dirancang oleh guru kemudian dinilai berdasarkan tahap yang prestasi pelajar mengikut masa yang telah ditetapkan. Skinner mencadangkan satu sistem di mana pelajar boleh "mengajar diri mereka sendiri" mengikut kemampuan mereka (Lucas & Bernstein, 2005). Apabila pelajar menggunakan strategi *selfregulator* didapati bahawa hasilnya adalah mendorong kepada kecemerlangan pembelajaran.

Satu kajian didapati bahawa pelajar mampu untuk melaksanakan apa jua tugas yang diberikan dengan syarat mereka diberikan masa yang berbeza-beza untuk menyelesaikan tugas masing-masing. Kesimpulannya, masa yang mencukupi dan kualiti pengajaran guru akan membolehkan pelajar itu belajar. Hal ini merujuk kepada tanggungjawab seorang guru. Perlu diingat bahawa pembelajaran masteri tidak tertumpu pada kandungan pelajaran tetapi proses untuk menguasainya (Kamaruddin, 2010).

Peranan Penilaian Tambahan dalam Sistem Penilaian

Apa sahaja sistem penilaian yang dipilih, seorang guru itu mungkin ingin mempertimbangkan untuk memberi penilaian tambah kepada pelajar-pelajar yang membuat tugas dengan sangat baik melebihi apa yang diperlukan dalam bidang subjek. Sesetengah guru yang berpengalaman suka memberikan penilaian tambahan sebagai satu cara untuk membantu pelajar menambah penilaian apabila tugas sebelumnya mendapat penilaian yang rendah atau sebagai cara untuk memotivasikan pelajar. Terdapat juga guru yang menentang idea memberikan penilaian tambahan. Hujah mereka, ia sama sahaja memberi peluang kepada pelajar untuk malas berusaha mendapatkan penilaian yang baik kerana mengharapkan penilaian tambahan (Lucas & Bernstein, 2005).

Pelajar sangat menyukai penilaian tambahan. Akan tetapi kebanyakan guru tidak menawarkan penilaian tambahan dalam sistem penilaian mereka (Kamaruddin, 2010). Jika guru-guru ingin memberikan penilaian tambahan kepada pelajar, pastikan maklumat mengenainya dimasukkan dalam sukatan bidang subjek termasuklah cara untuk mendapatkan penilaian tambahan tersebut. Perkara ini juga perlu diberitahu kepada pelajar.

RUMUSAN

Bab ini telah membincangkan cara menyediakan bahan pengajaran dalam sesuatu subjek atau bidang, iaitu bermula dengan penentuan matlamat, memilih buku rujukan, menyediakan sukatan pelajaran yang merangkumi model sukatan dan senarai rancangan kerja tahunan. Seterusnya, perbincangan bab ini juga menyentuh tentang kaedah merancang sistem penilaian bagi bidang pengajaran yang telah ditentukan tersebut di samping menyediakan kaedah penentuan penilaian, serta memilih sistem penilaian. Memilih sistem penilaian yang telah dibincangkan merangkumi penilaian rujukan norma, penilaian rujukan kriteria, sistem pencampuran penilaian, sistem pembelajaran masteri, dan peranan penilaian tambahan di dalam sistem penilaian.

RUJUKAN

- Ahmad Mohd. Salleh (2008). *Pengajian Agama Islam & j-Qaf Metodologi dan Pedagogi Pendidikan untuk KPLI*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Eble, Kenneth Eugene (1988). *The Craft of Teaching* San Francisco: Jossey Bass.
- Ee Ah Meng (2001). *Pedagogi 2 Pelaksanaan Pengajaran*. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Kamaruddin Haji Husin (2010). *Pembelajaran*. Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Azizi Ahmad dan Mohd. Isha Awang (2008). *Pengukuran dan Penilaian Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salleh Lebar (2009). *Pengurusan Sekolah di Malaysia dan Negara Brunei Darussalam: Kecemerlangan Akademik dan Kokurikulum*. Negara Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahil Mahyuddin, Habibah Elias, Kamariah Abu Bakar (1997). *Pedagogi 2*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Lucas, S. G. dan Douglas A.B. (2005). *Teaching Psychology A Step By Step Guide*. London: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.